



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 25 NOVEMBER 2025**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	AMTTSE CATAT PENINGKATAN JUALAN CECAH RM12 JUTA, FAMA BANTU 182 USAHAWAN LONJAKKAN BISNES MENERUSI TIKTOK SHOP, SINAR HARIAN, M/S – 7	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2.	HAPUS TARIF PRODUK PERTANIAN, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 10	LAIN – LAIN
3.	UPM HASILKAN KIT KESAN PENYAKIT TUNGRO PADI, MINDA PEMBACA, BERITA HARIAN, M/S – 13	
4.	EXPERTS TO TACKLE JELLYFISH THREAT, VIEWS, THE STAR, M/S – 14	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/11/2025	SINAR HARIAN	-	7

AMTTSE catat peningkatan jualan cecah RM12 juta FAMA bantu 182 usahawan lonjakan bisnes menerusi TikTok Shop

OLEH IZWAN ROZLIN / FOTO: MOHD HALIM ABDULWAHID

Program Agromarketing Masterclass TikTok Shop Edition (AMTTSE) 2025 mencatatkan peningkatan hampir dua kali ganda berbanding pencapaian tahun lalu dengan nilai jualan mencecah RM12 juta.

Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Abdul Rashid Bahri berkata, program dengan kerjasama TikTok Shop Malaysia selama lima bulan bermula Julai lalu itu disertai 182 usahawan daripada 91 syarikat, dengan peningkatan jualan sebanyak 94 peratus berbanding RM6.2 juta pada 2024.

Bellau berkata, peningkatan itu didorong keberkesanan strategi pemasaran digital, khususnya melalui sesi *live streaming* yang diadakan sepanjang program tersebut.

"Sebanyak 15 syarikat kategori segar dan sejuk beku berjaya merekodkan nilai jualan RM47,000 (USD 10,600), manakala lapan syarikat Orang Kurang Upaya (OKU) pula mencapai jualan berjumlah RM286,000 dengan lebih 1.3 juta tontonan siaran langsung secara keseluruhan.

"Ada syarikat yang lebih daripada tiga kali ganda jualan mereka meningkat bila terlibat dalam *live streaming*, dengan bantuan TikTok Shop. Bagi pihak FAMA, ini satu anjakan yang sangat tinggi telah dicapai," katanya.

Bellau berkata demikian ketika sidang media pada Majlis Penyampaian Anugerah Grand Final AMTTSE 2025 di sebuah hotel di sini pada Ahad. Turut hadir Pengarah Kanan Perhubungan Strategik TikTok Shop, Nur Azre Abdul Aziz.

Mengulas lanjut, Abdul Rashid berkata, kejayaan program itu membuktikan kemampuan usahawan agro Malaysia bersaing dalam ekonomi



Abdul Rashid bergambar bersama para penerima anugerah pada Majlis Perasmian Penutup Grand Final Agromarketing Masterclass TikTok Shop Edition 2025 pada Ahad.

digital global, selain menyokong aspirasi Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) dan hala tuju Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) dalam membangunkan usahawan digital berimpak tinggi.

Program AMTTSE 2025 dilaksanakan melalui empat fasa utama merangkumi latihan intensif *Junior* dan *Senior*, pemantauan prestasi peserta, pertandingan *live streaming* serta penganugerahan *Grand Final* yang meraihan 11 kategori termasuk Usahawan Baharu Terbaik, Usahawan OKU Terbaik dan Usahawan Terbaik Keseluruhan.

Dalam pada itu, sebanyak 12 syarikat terbaik keseluruhan diumumkan menyertai Lawatan Pembelajaran Global ke Shanghai, China pada Disember ini sempena sambutan Ulang Tahun Ke-60 FAMA untuk mempelajari teknologi *live commerce*, penciptaan kandungan dan model inovasi digital antarabangsa.

Tambahnya, pemilihan TikTok Shop sebagai platform utama adalah bertepatan dengan jumlah lebih 17

juta pengguna aktif di Malaysia, sekali gus menyediakan ruang promosi luas, sokongan teknikal dan ciri interaktif yang mampu meningkatkan keterlihatan serta jualan produk tempatan.

Pada majlis penyampaian anugerah itu, bekas jurutera yang juga usahawan OKU berasal dari Kelantan, Amir Mohsin Mohd Bahrudin, 36 menerusi jenama 'Dapur Pak Amir' memenangi tiga anugerah utama iaitu Usahawan Terbaik Keseluruhan, Usahawan OKU Terbaik dan Usahawan Kategori Makanan Terbaik (*Intermediate*).

"Saya terlibat dalam kemalangan pada 2018 dan selepas bangun daripada koma selama enam bulan, saya mula memikirkan tentang kelangsungan hidup dan berpindah ke Puncak Alam bagi memulakan perniagaan nasi lemak.

"Saya tidak sangka ia mengubah nasib hidup saya yang kemudiannya memulakan perniagaan sambal secara dalam talian menerusi TikTok Shop," kata anak kedua daripada lima beradik itu.

Berkat bantuan daripada isteri dan lima kakitangannya, beliau kini mampu menjana pendapatan lima angka sebulan.

Antara produk Dapur Pak Amir termasuklah sambal nasi lemak, sambal tempoyak, sambal bilis petai dan sambal talang masin yang dihasilkan dari kilang sendiri di Pasir Tumboh, Kelantan.

Dalam pada itu, Pengurus Pemasaran Hasdey Puncak Enterprise, Siti Aisyah Sulaiman, 38, berkata, program AMTTSE membantunya

mendalami ilmu perniagaan digital, sekali gus merencanakan perniagaan sayur fucuk keluarganya.

"Kami tunjuk menerusi penstriman langsung bagaimana penghasilan sekeping (fucuk) itu memakan masa 15 ke 20 minit dan proses itu bermula kami masak air soya sehingga ia kering.

"Sebelum ini kalau orang was-was nak makan, kami tunjuk kepada semua orang bagaimana proses pembuatan dari A hingga Z," katanya.

Pendedahan teknik penjualan atas talian bantuan FAMA, hasil jualan produknya meningkat daripada RM700 sebulan pada Mei kepada RM45,000 pada bulan Ogos.

Perkembangan cemerlang itu telah menjadikan syarikatnya sebagai salah satu daripada 12 syarikat yang terpilih menyertai Lawatan Pembelajaran Global di Shanghai, China Disember ini.

Pemenang Anugerah AMTTSE 2025

- Anugerah Usahawan Baharu Terbaik
Foodzyia Shop (@foodzyia shop)
- Anugerah Usahawan Kategori Makanan Terbaik
Huzalfah At Tamimi Enterprise (@dkhualah kek lapis HQ)
- Anugerah Kategori Bukan Makanan Terbaik
Azura Kay Ventures (@beauties station)
- Anugerah Usahawan Kategori Segar dan Sejuk Beku Terbaik
Rozeryia Enterprise (@rozeryia mart)
- Anugerah Usahawan Terbaik Keseluruhan
Huzalfah At Tamimi Enterprise (@dkhualah kek lapis HQ)
- Anugerah Usahawan Kategori Makanan Terbaik (*Intermediate*)
AMB Pacific Resources (@dapur pak amir)
- Anugerah Usahawan Kategori Bukan Makanan Terbaik (*Intermediate*)
Nurezqi Enterprise (@nurezqi plant care)
- Anugerah Usahawan Kategori Segar dan Sejuk Beku Terbaik (*Intermediate*)
Teratak Maju Trading (@corndog anak ramai HQ)
- Anugerah Usahawan OKU Terbaik (*Intermediate*)
AMB Pacific Resources (@dapur pak amir)
- Anugerah Usahawan Terbaik Keseluruhan (*Intermediate*)
AMB Pacific Resources (@dapur pak amir)
- Anugerah Usahawan Aspirasi
Anis Cafe Enterprise (@abang jas)



Abdul Rashid (kiri) bersama Pengarah Kanan Perhubungan Strategik TikTok Shop Malaysia, Nur Azre Abdul Aziz (kanan) ketika gimik pelancaran pada Majlis Perasmian Penutup Grand Final Agromarketing Masterclass TikTok Shop Edition 2025 pada Ahad.



Pegawai Eksekutif Pemasaran, Mohd Syahme Azhar (tengah) menerima hadiah daripada Abdul Rashid dan Nur Azre.



Para pemenang Grand Final Agromarketing Masterclass TikTok Shop Edition 2025 bergambar bersama hadiah kemenangan.

TARIKH	WALAH	RUANGAN	MUKA SURAT
25/11/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	10

Hapus tarif produk pertanian

NAIROBI - Malaysia dan Kenya bersetuju untuk meningkatkan hubungan dua hala kepada perkongsian strategik, menandakan peristiwa penting bersejarah dalam hubungan diplomatik yang telah terjalin antara kedua-dua negara sejak 60 tahun.

Presiden Kenya, William Samoei Ruto berkata, hubungan yang dipertingkatkan itu akan memastikan kerjasama antara Putrajaya dan Nairobi digerakkan dengan tujuan dan struktur.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pula berkata, perkongsian strategik itu akan merangkumi semua bidang dan import pertanian tradisional malah juga dalam teknologi baharu seperti peralihan tenaga dan transformasi digital, termasuk semikonduktor.

Kedua-dua pemimpin itu berkata demikian pada sidang media bersama selepas mengadakan pertemuan dua hala di State House di sini.

"Kami mengukuhkan komitmen kami untuk menghapuskan halangan tarif dan bukan tarif, mengembangkan eksport Kenya ke Malaysia dan sebaliknya serta memperdalam kerjasama dalam teknologi digital dan pembuatan berteknologi tinggi," kata Ruto.

Beliau berkata, persetujuan Anwar untuk menghapuskan tarif ke atas hasil pertanian dan daging lembu merupakan satu langkah penting yang akan membuka peluang pasaran baharu kepada petani Kenya dan mengukuhkan asas komersial perkongsian antara kedua-dua negara.

Eksport utama Kenya ke Malaysia termasuk teh, kopi, bunga, avokado, titanium, kulit dan daging lembu, manakala eksport Malaysia ke Kenya sebahagian besarnya terdiri daripada minyak dan lemak boleh dimakan, produk kimia, elektronik, bahan kimia pertanian dan getah.

Anwar yang berada di sini sempena lawatan rasmi pertama beliau ke negara ini berkata, garis panduan am dan pelaksanaan keputusan yang dibuat di Nairobi boleh dimuktamadkan sebelum lawatan Ruto tahun depan.

"Saya beri jaminan bahawa sebelum lawatan anda, kami akan memastikan beberapa garis panduan am dan pelaksanaan keputusan dibuat lebih awal, (sama ada) pada Disember, Januari, Februari. Ada beberapa bulan lagi masa, tetapi kita mesti menunjukkan bahawa kita boleh melakukannya," kata beliau.

- Bernama

UPM hasilkan kit kesan penyakit tungro padi

Pasukan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) bersama rakan strategik membangunkan sistem pengesanan pantas yang mampu melindungi hasil padi dan keselamatan makanan negara.

Penyakit tungro padi kembali mendapat perhatian apabila beberapa negara jiran melaporkan peningkatan jangkitan dalam tempoh kebelakangan ini.

Di Indonesia, wabak tungro masih aktif dikesan di Sulawesi dan Jawa dengan laporan kajian pada 2024 menunjukkan tahap kerosakan tanaman dilaporkan mencecah 90 peratus.

Di negara ini, virus sama pernah menyebabkan wabak besar di Kedah dan Perlis sekitar 1980-an, mengakibatkan kawasan sawah seluas 12,000 hektar. Kejadian ini menyebabkan kehilangan hasil sehingga 70 peratus.

Pada 2014 pula, kedua-dua virus turut dikesan di Sarawak, menandakan potensi penularan merentasi sempadan sekiranya pengawasan tidak di-

jalankan secara menyeluruh dan berterusan.

Kelewatan dalam mengesan jangkitan tungro boleh membawa kesan besar terhadap pengeluaran padi negara serta menjejaskan keselamatan makanan. Sehubungan itu, pasukan penyelidik giat membangunkan kit diagnostik pantas berasas penderia elektrokimia untuk pengesanan awal penyakit tungro.

Projek ini dilaksanakan dengan kerjasama strategik membabitkan pelbagai pihak termasuk UPM, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Ia disokong geran Collaborative Research in Engineering, Science and Technology (CREST) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Kenali virus tungro dengan tepat

Kit yang sedang dibangunkan ini menggunakan molekul biopenentu khas berasaskan aptamer, iaitu bahan berfungsi seperti kunci-pintar untuk

mengenali virus tungro dengan tepat.

Reka bentuk aptamer dilakukan secara digital melalui simulasi komputer bagi menilai tahap ke- serasian dan kepekatannya terhadap virus sasaran.

Selepas peringkat reka bentuk, pasukan penyelidik turut menjalankan ujian makmal menggunakan elektrod skrin cetak serta pengujian sebenar menggunakan sampel padi daripada MARDI bagi menilai kecekapan sistem penderia ini.

Penyelidikan masih giat dijalankan, namun penyelidik optimis teknologi ini berpotensi menjadi alat pengesanan lapangan yang cepat, tepat dan mampu milik, sekali gus membantu pesawah ser- ta pihak berkuasa pertanian bertindak lebih awal sebelum jangkitan merebak.

Projek ini juga mencerminkan usaha bersama dalam memanfaatkan sains dan teknologi tem- patan bagi memperkukuh keselamatan makanan negara serta melindungi masa depan industri pa- di tanah air.

Experts to tackle jellyfish threat

Scientists to create risk profile of Chenang Beach and train stakeholders

By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

GEORGE TOWN: Marine scientists are ready to head to Langkawi to tackle the jellyfish threat that killed a Russian boy at Chenang beach.

Any action must be coordinated through the Langkawi Development Authority, Fisheries Department, Health Ministry and other agencies, said Prof Datuk Dr Aileen Tan, director of Universiti Sains Malaysia's Centre for Marine and Coastal Studies.

She said the team can be deployed once it receives basic information such as hospital sting cases, fisheries monitoring records, rainfall and water quality trends, recent photographs or samples and exact beach locations.

Tan said rapid sampling at the beach and nearby stretches would then allow the drawing up of a short-term risk profile.

But she said long-term safety depends on building local capacity.

She stressed that hotel staff, lifeguards, water sport operators and other frontliners must be trained to observe, document and identify the jellyfish so that monitoring continues even when scientists are not present.

On whether Langkawi is seeing



Staying alert: A sign warning beach-goers of the potential risk of jellyfish was put up by the authorities on Chenang Beach in Langkawi, Kedah. — Image from social media

an unusual spike in jellyfish activity, Tan said there was not enough data to confirm any long-term ecological trend.

She said occurrences in Malaysian waters were natural and often influenced by rainfall, tides, nearshore currents and coastal water quality.

"Preliminary clinical observations from the recent incident point to a box jellyfish (cubozan),

based on tentacle-contact marks on the victim.

"But a definitive identification cannot be made without a captured specimen or nematocyst sample, underscoring the need for a proper documentation system," she said.

Tan urged for immediate measures, including multilingual warning signs at popular beaches, stronger vinegar-based first-

aid readiness and routine shoreline checks.

She said frontliners should be trained to recognise jellyfish, administer correct first aid and report sightings promptly.

Night-time light-detection work and simple drift-net surveys, however, can begin at once.

For the next three to five years, Tan said Langkawi should focus on improving coastal water quali-

ty management, especially reducing nutrient-rich run-off that may contribute to jellyfish blooms.

She said others include setting up monitoring stations, upgrading beach infrastructure, creating managed swimming zones and developing a "Jellyfish Safety Standard" for resorts and tourism operators.

Tan said prevention requires both scientific and non-scientific approaches, combining environmental monitoring and species identification with public awareness, safe-swimming practices, clear risk communication and trained responders.

To maintain tourist confidence, she proposed a balanced advisory system featuring multilingual boards on seasonal risks, flag indicators on high-risk days, QR-code updates and hotel-issued advisories.

On Nov 19, two-year-old Vladimir Lakubanets died after being stung by a box jellyfish at Chenang beach on Nov 15.

Box jellyfish, named after their box-shaped body, are known to actively move in the water unlike other jellyfish that drift with the current.

It has two dozen eyes that seek small prey and has a highly venomous sting with some species capable of killing humans in just minutes.